

BPPDP BIL. (04) 2015 EDISI APRIL



Isu Utama Akhbar April 2015

Malaysia hab pendidikan global



Datuk Seri Idris Jusoh

Malaysia bersedia berkongsi pengalaman dan idea dengan negara lain dalam usaha memantapkan sektor pendidikan bagi melahirkan modal insan berkualiti dan bertaraf dunia. Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, menerusi beberapa pelancaran pelan strategik pendidikan, Malaysia kini berada pada landasan yang betul untuk berperanan sebagai hab pendidikan global. Beliau berkata, dasar terbuka Malaysia yang sedia berkongsi idea dan pengalaman kini menjadi destinasi pilihan pendidikan pelajar antarabangsa terutama dari Asia Barat. Menurut beliau, pelbagai pelan pendidikan yang dilancarkan sebelum ini adalah bersifat global serta menyeluruh, jadi ia bukan sahaja bakal memanfaatkan pelajar dari dalam negara malah pelajar antarabangsa yang menuntut di Malaysia. Datuk Seri Idris berkata, dengan kedatangan ekspatriat dari pelbagai negara ke Malaysia menyebabkan berlakunya permintaan tinggi terhadap pengembangan program dan kemudahan pendidikan di negara ini.

Sumber: Utusan Malaysia, 15 April 2015

Kajian keupayaan guru menerusi kerjasama OECD

Tan Sri Muhyiddin Yassin

Kajian menyeluruh berhubung keupayaan guru bakal dilakukan menerusi penglibatan pakar Pertubuhan Kerjasama Pembangunan dan Ekonomi (OECD) bagi membantu melonjakkan pencapaian pendidikan di Malaysia. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kajian yang akan mengambil masa kira-kira setahun itu merangkumi pelbagai aspek termasuk pentadbiran sekolah sekali gus membantu meningkatkan profesionalisme guru. Beliau yang juga Menteri Pendidikan berkata, seperti mana negara maju, Malaysia juga menekankan aspek latihan berterusan kepada guru-guru dan program ini sudah pun lama berjalan. Menurutnya, pakar OECD akan menekankan aspek lain seperti pentadbiran sekolah kerana bukan sahaja berkisar dalam bilik darjah tetapi juga aspek lain. Tan Sri Muhyiddin menambah, pihak Kementerian Pendidikan akan menentukan skop kajian selepas ini kerana pada masa ini masih di peringkat awal.


Sumber: Berita Harian, 15 April 2015

Maklumat dan Pertanyaan

Perpustakaan Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,
Aras 1 Blok E8, Kompleks Kerajaan Parcel E, Putrajaya

Email: infomedia@gmail.com <http://www.moe.gov.my>

Tel : 03-8884 6002 Faks : 03-8884 6284



Skop pendidikan, kerjaya kaum India diperluas



YAB P. Kamalanathan

Kerajaan sedang berusaha untuk memperluaskan lagi bidang pendidikan kepada kaum India agar mereka turut berpeluang merebut kerjaya-kerjaya yang diceburi kaum lain di negara ini. Kementerian Pendidikan antaranya, giat menggalakkan kaum India mempelajari bidang berdaya kemahiran vokasional dan seni seperti muzik yang masih belum banyak diceburi oleh kaum tersebut. Timbalan Menteri Pendidikan II, P. Kamalanathan berkata, usaha itu juga bagi memastikan pembabitan kaum India dalam pelbagai bidang pekerjaan, seterusnya dapat berganding bahu dengan kaum lain dalam membangunkan negara. Beliau berkata, Kementerian Pendidikan inginkan pemimpin, guru dan ibu bapa kaum India tahu tentang peluang pendidikan yang disediakan di kolej, institusi pengajian tinggi awam dan swasta di negara ini. Ia bukan setakat bidang kedoktoran dan undang-undang sahaja. Sebaliknya, ramai kaum India yang belum menceburi bidang muzik, pendidikan jasmani dan vokasional yang turut menyediakan banyak peluang pekerjaan.

Sumber: Utusan Malaysia, 13 April 2015

BB1M: Pelajar, kedai buku salah guna disenarai hitam



Datuk Mary Yap Kain Ching

Kementerian Pendidikan sentiasa menjalankan pemantauan terhadap pelaksanaan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) dan akan menyenaraihitam pelajar dan kedai buku yang didapati menyalahgunakan kemudahan tersebut. Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Mary Yap Kain Ching berkata, garis panduan terhadap kemudahan itu telah diberikan kepada semua institusi pendidikan tinggi dan kedai buku seluruh negara, justeru pihaknya akan bertegas untuk memastikannya dipatuhi. Beliau berkata, hasil penguatkuasaan yang dijalankan, empat kedai buku telah disenaraihitam setakat ini kerana didapati melanggar garis panduan. Kementerian telah memberi peringatan kepada para pelajar yang menerima BB1M supaya tidak menukar kepada bentuk tunai dan hanya dihadkan dalam pembelian buku sahaja. Datuk Mary Yap berkata, sepanjang tahun lalu, kementerian telah melakukan pemantauan di beberapa universiti awam iaitu Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam dan UiTM kampus Samarahan Sarawak, Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Perlis (Unimap), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman. Sementara itu, beliau berkata, kementerian memerlukan kerjasama daripada semua pihak termasuk orang awam dan pemimpin masyarakat supaya membuat aduan kepada kementerian sekiranya mendapati kewujudan penyalahgunaan BB1M.

Sumber: Utusan Malaysia, 16 April 2015

Kata Kunci Kejayaan

"Keberhasilan adalah kemampuan untuk melewati dan mengatasi dari satu kegagalan ke kegagalan berikutnya tanpa harus kehilangan semangat"

– Winston Churchill



Data Statistik

Koleksi Bahan dan Keratan Akhbar Bagi Bulan April 2015

1. PEROLEHAN

BIL	JENIS KOLEKSI	JUMLAH
1.	Koleksi Umum	0
2.	Koleksi KPM	2
3.	Koleksi Tesis	287
4.	Koleksi CD-ROM	0
5.	Artikel Akhbar	300
6.	Koleksi Jurnal	2
7.	Koleksi Risalah	2
8.	Sumbangan	3
	JUMLAH	596

2. KEMASUKAN DATA

BIL	JENIS KOLEKSI	BILANGAN TAJUK BAHAN
1.	Monograf dan tesis	350

3. PENGKATALOGAN

BIL	JENIS KOLEKSI	BILANGAN DIKATALOG
1.	Monograf dan tesis	290

Jumlah Kumulatif sehingga 31 April 2015:
186,448

Dapatkan maklumat bahan rujukan dan peminjaman melalui Sistem Virtua versi 2009 Perpustakaan KPM dengan melayari laman sesawang berikut:

<http://librarykpm.moe.gov.my>



PERPUSTAKAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



Sektor Pusat Dokumentasi, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

ISU-ISU UTAMA YANG DIPAPARKAN DI AKHBAR BAGI BULAN APRIL 2015

1. Kurikulum Pengajaran & Pembelajaran Bagi Semua Mata Pelajaran/MBMMBI/ Sukatan Mata Pelajaran
- 6 isu
2. Kenyataan oleh Menteri Pendidikan & Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
- 14 isu
3. Pengurusan Pendidikan
- 13 isu
4. Keselamatan Murid
- 3 isu

JUMLAH PENGGUNA PERPUSTAKAAN BAGI BULAN APRIL 2015

286 Orang

JUMLAH PENGUNJUNG PORTAL LIBRARYKPM SEHINGGA 31 APRIL 2015

22,460 Orang

Selamat Menyambut Hari Guru 16 Mei 2015



'Guru: Pembina Ilmu,
Menyempurnakan Akhlak

Senyum Selalu
SEDIA BANTU



PPPM-PT jadi pemangkin masa depan cemerlang untuk Malaysia



Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM-PT) bakal menjadi pemangkin kepada transformasi negara untuk bersaing di peringkat global. Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pelan yang menggariskan 10 lonjakan itu mampu mewujudkan modal insan yang dikategorikan sebagai 3B iaitu berbakat, bertaraf global dan berteraskan nilai positif. "Saya yakin pelan ini akan memangkin transformasi dan ia boleh menentukan masa depan yang lebih cemerlang untuk negara Malaysia," katanya ketika berucap melancarkan PPPM-PT di sini hari ini. Turut hadir timbalannya merangkap Menteri Pendidikan Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Pendidikan Kedua Datuk Seri Idris Jusoh. Najib berkata PPPM-PT menumpukan kepada penjana pelajar berbakat yang penting bagi sesebuah negara dalam mengekalkan kejayaannya. Najib berkata usaha melahirkan pelajar bertaraf global pula akan menempatkan Malaysia sebagai antara sebuah negara terbaik di dunia.

Beliau menegaskan bahawa pelajar yang berteraskan nilai positif dari segi rohaniah, moral, etika dan kekuatan akan menonjolkan identiti nasional selari dengan kemajuan negara. Perdana Menteri menegaskan apa yang perlu di jauhi ialah ilmu yang dipelajari tidak digunakan untuk kebaikan. "Contoh yang paling ekstrem, ada dalam kalangan masyarakat yang mempunyai kelulusan tinggi tetapi menggunakan ilmu yang ada untuk membuat bom," katanya sambil menambah negara perlu mempunyai pelajar yang berciri positif. Dalam pada itu, Najib berkata menerusi lonjakan kemampanan kewangan, pihak universiti di negara ini perlu mencari sumber kewangannya sendiri dan tidak terlalu mengharapkan peruntukan tambahan daripada kerajaan. Bagaimanapun, Najib berkata kerajaan akan menimbangkan pemberian bajet tambahan kepada universiti yang menunjukkan prestasi tinggi. Beliau seterusnya berkata pihak universiti perlu meningkatkan produktiviti dan kecekapan terutama dalam memastikan kebolehpasaran graduan mereka. Najib turut berkata kerajaan menyediakan peruntukan sewajarnya untuk perbelanjaan pendidikan tinggi dan latihan, antara yang tertinggi dalam kalangan negara ASEAN dan beberapa negara maju seperti Jepun dan Korea Selatan.

Read more at: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pppm-pt-jadi-pemangkin-masa-depan-cemerlang-untuk-malaysia-57339?cp>

WAKTU OPERASI

Isnin- Khamis
8.00 pagi – 4.30 petang

Jumaat
8.00 pagi – 12.00 tengah hari
2.45 petang – 4.30 petang

Ditutup pada Sabtu, Ahad dan cuti umum

KEAHLIAN

Keahlian adalah percuma:

- Terbuka kepada semua warga Kementerian Pendidikan Malaysia
- Institusi Pengajian Tinggi (IPTA dan IPTS)
- Agensi Kerajaan
- Penyelidik

Bagi pelajar/pensyarah universiti yang pertama kali mendaftar perlu:

- Membawa kad matrik dan surat pengesahan
- Melengkapkan borang pendaftaran
- Mendapatkan kad keahlian

Bagi agensi kerajaan lain dan penyelidik

- Membawa surat pengesahan dari ketua jabatan yang berkaitan

Perkhidmatan Yang Disediakan

- Perkhidmatan Rujukan
- Perkhidmatan Sirkulasi
- Bilik Mesyuarat
- Peti Pemulangan Buku (24 Jam)
- Khidmat Nasihat dan Kepakaran
- Mesin Fotokopi (layan diri)
- Bilik Tayangan

Informatif, Tepat & Mesra



MUHYIDDIN : GOOD HMs WILL MOTIVATE THEIR TEACHERS

Tan Sri Muhyiddin Yassin

Headmasters must possess the "Midas touch" if they wish to transform their schools into centres of excellence. Education Minister, Tan Sri Muhyiddin Yassin said headmasters should have the ability to motivate their teaching staff to ensure they effectively executed policies formulated by the Ministry. Tan Sri Muhyiddin Yassin who is also the Deputy Prime Minister, said it was important for headmasters to have a good grasp of policies formulated by the ministry before they impart these to their staff for execution. He said this is crucial because a school's success depends very much on the credibility and ability of the headmaster. The head should be able to lead, motivate and support his teachers as well as the students. He added they must also be able to create a conducive teaching and learning environment for them. Tan Sri Muhyiddin said this when opening the 54th National Headmasters' Council education management conference in Seremban. Tan Sri Muhyiddin Yassin said to be successful, headmasters must be dedicated, responsible, confident and not easily deterred. He said they are not only required to identify the potential or gauge the performance of each student, but are also required to assist teachers in identifying programmes that can help the students excel and enhance the learning and teaching process in the classrooms. He hoped teachers work towards implementing policies set under the National Education Blueprint and to turn Malaysia into a developed and high income nation in five years. He added that the ministry will provide more incentives to headmasters who excelled.

Source: Star 07 April 2015

2015

SCHOOL GOES FROM ZERO TO HERO WITH EDU NKRA

Tan Sri Muhyiddin Yassin

What was once one of the worst-performing schools in the nation has emerged as an exemplary one. Five years ago, SK Tasik Chini – which comprises 111 orang asli students from the Jakun tribe – was ranked 6,910th nationwide out of 7,617 schools. Before 2009, it was common for students to skip classes. But thanks to the implementation of the Assuring Quality Education (EDU) National Key Result Area (NKRA), SK Tasik Chini leapt to No. 241 out of 7,695 schools by the end of 2013. According to the 2014 Government Transformation Programme Report, education specialists coached the teachers and administrators of the school in Pekan, Pahang, in a close partnership with the community. This resulted in remarkable changes, such as 100% pass rates for the UPSR exams in 2011, 2012 and 2013, and improved students' attitude, higher motivation levels for teachers and greater parental involvement. Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin, who is also Education Minister said the positive changes that we see today, such as the remarkable story of SK Tasik Chini, are results of these initiatives over the past five years. He said our initiatives have worked because we have made honest appraisals of the shortcomings in the previous regime and because we have had the courage to make those changes required of us. Last year, the EDU NKRA also identified 13 additional schools that met the requirements of High Performance Schools (HPS). All 115 existing HPS were maintained. They are expected to further improve their performance while supporting other weaker schools in their neighbourhood. One challenge faced by the EDU NKRA was the poor attendance of teachers called up for training sessions tailored for them, as only 63% of 116 low-performing teachers attended the classes by the ministry.

Source: Star, 29 April 2015

**IF YOU CAN NOT BE INTELLIGENT,
BE A GOOD PERSON**



MALAYSIA, INDONESIA 'TO LEAD WAY IN ISLAMIC TEACHINGS'

Tan Sri Muhyiddin Yassin

The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO) wants Malaysia and Indonesia to play a bigger role in countering Islamophobia and religious extremism. Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said the UN body has described Malaysia and Indonesia as role models of the religion able to show both the Muslim and non-Muslim countries the correct way in Islamic education. He said UNESCO wants Malaysia and Indonesia to show the world the proper Islamic education and not the ones depicted by the Islamic State (IS). During his meeting with UNESCO Director-General Irina Bokova, she had proposed that Malaysia and Indonesia lead the way in showing the proper Islamic education. Tan Sri Muhyiddin Yassin told reporters in Paris at the tail end of his working visit. He added the two countries should lead the way in Islamic teachings such as in Malaysia which promote kindness and tolerance among society and not such as those portrayed in social media which is false and inaccurate. He added Malaysia, known for its moderation and Indonesia by virtue of it being the world's most populous Muslim nation totalling to 290 million people, can play a bigger role in showing the world the proper way in Islamic teachings. Tan Sri Muhyiddin Yassin is on a three-day working visit here which ends on Wednesday as part of efforts to bid for a seat on UNESCO executive board for the 2015-2019 term.

Source: New Straits Times, 15 April 2015



STAGING A SCIENCE SHOW

Datuk Mary Yap

Petrosains has embarked on its seventh Science Show Competition, where students can come to showcase a scientific concepts of their choice through creative demonstrations. Deputy Education Minister, Datuk Mary Yap said the ministry needed support from corporate bodies to continuously conduct initiatives to help nurture and produce future leaders. She said the ministry is keen for students to be educated, and not just learned. They not only get to excel in academics but also be instilled with values such as teamwork, discipline and responsibility. She added this contest can bring that while enabling autonomous learning that is fun. This creative programme could also encourage teachers to provide alternatives teaching methods to further spark interest for relevant subjects. The competition is open to all secondary school students from Form One to Form Six, in teams of two or individually with a teacher advisor. Ten entries will be short-listed in each state and will proceed to the national semi-finals where the top eight teams will battle it out at the grand finals in October. Students and teachers can obtain entry form their respective state Education Department or at www.petrosains.com.my

Source: New Straits Times, 06 April 2015